



LAPORAN INOVASI

Kumpulan :



Nama Produk :

***SISTEM PERMOHONAN
HEBAHAN UNTUK
PROMOSI PROGRAM MPKS***

**MAJLIS PERSADA INOVASI
PERKHIDMATAN AWAM
PERINGKAT NEGERI SELANGOR (MPIPANS)
TAHUN 2022**

LAPORAN INOVASI TAHUN 2022
KUMPULAN i-CORP
MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR

1. RINGKASAN EKSEKUTIF

Sistem Permohonan Hebahan untuk Promosi Program MPKS merupakan satu kaedah terbaik yang dihasilkan oleh Unit Korporat & Perhubungan Awam serta Unit Teknologi Maklumat bagi tujuan mewujudkan perkhidmatan yang efisien dan efektif melalui permodenan sistem pentadbiran Majlis selaras dengan pembangunan ICT. Unit Korporat dan Perhubungan Awam terdiri dari tiga fungsi unit iaitu Pengurusan Korporat dan Hebahan, Unit Kualiti dan Unit Aduan. Penggunaan sistem ini adalah satu inovasi untuk proses kerja di bawah fungsi Pengurusan Korporat dan Hebahan iaitu untuk memodenkan kaedah permohonan dalam menyediakan bahan promosi MPKS.

Sistem Permohonan Hebahan untuk Promosi Program MPKS merupakan satu inisiatif untuk mewujudkan aliran permohonan yang sistematik. Sistem ini diwujudkan kerana sebelum ini proses permohonan dilakukan secara tidak efektif iaitu secara lisan atau melalui *whatsapp*. Oleh kerana proses kerja yang tidak efektif ini menyebabkan tiada susunan permohonan yang teratur serta tiada pengetahuan bagi pihak pegawai mengenai terdapatnya permohonan dari kakitangan MPKS kepada pereka grafik. Proses permohonan melalui sistem ini bermula dari pemohon yang telah memohon kemudian disemak pegawai dan direka bentuk oleh pereka grafik adalah antara proses ketika menggunakan sistem. Penggunaan sistem ini juga memudahkan kakitangan MPKS kerana ketikapasca Covid-19 berlaku, hampir semua kakitangan akan bekerja dari rumah dan situasi ini membolehkan pemohon dan pereka grafik boleh mengakses di mana sahaja.

Unit Korporat dan Perhubungan Awam MPKS telah mengambil peluang menggunakan kaedah ini sebagai produk inovasi yang sejajar dengan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021 – 2030 iaitu mengguna dan memajukan sains dan teknologi ke arah memacu pertumbuhan sosio-ekonomi negara serta meyelesaikan permasalahan berasaskan teknologi tinggi

Ciptaan inovasi ini menjana keberhasilan positif dari segi masa serta kos pengurusan bagi memenuhi fungsi kedua-unit unit ini. Hasil pelaksanaan kaedah berinovasi ini telah berjaya memberi penekanan yang positif kepada jabatan seterusnya Majlis sendiri. Hal ini dapat dilihat daripada perbandingan kos serta masa semasa dilakukan secara manual dan selepas menggunakan Sistem Permohonan Hebahan untuk Promosi Program MPKS ini.

2. PENGLIBATAN PIHAK PENGURUSAN

2.1 Pengenalan kumpulan

2.1.1 Nama Kumpulan

i-CORP merupakan kumpulan yang ditubuhkan pada Oktober 2019 khas untuk menjalankan projek inovasi bagi Unit korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS). Walaubagaimanapun, untuk projek inovasi tahun 2021, kumpulan bekerjasama dengan kakitangan Unit Teknologi Maklumat kerana melibatkan bidang teknikal teknologi maklumat.

2.1.2 Senarai Ahli Kumpulan (Nama / Jawatan / Jabatan)

Jadual 1: Senarai Ahli Kumpulan

NO.	NAMA	JAWATAN	UNIT
1.	Norrini binti Mohd Ladzim	Fasilitator	UKP
2.	Aliff Amani bin Jumeren	K. Kump.	UKP
3.	Norlela binti Asmangi	Ahli	UTM
4.	Nurul Syuhaza binti Mohd Nazri	Setiausaha	UKP
5.	Norirwan Sahril bin Mohmed Mogi	Ahli	UKP
6.	Hisyamuddin bin Zakaria	Ahli	UKP
7.	Zulfitri bin Zaharudin	Ahli	UTM

2.1.3 Carta Organisasi Kumpulan

Carta Organisasi Kumpulan i-Corp (Lampiran A)

2.1.4 Logo Kumpulan



Gambar 1: Logo Kumpulan i-Corp

2.1.5 Motto Kumpulan

Inovasi Menjana Transformasi

2.2 Nama projek/inovasi

Sistem Permohonan Hebahan untuk Promosi Program MPKS adalah satu sistem yang dicipta secara dalam talian untuk tujuan permohonan reka bentuk atau grafik bahan promosi untuk sesuatu program atau makluman semasa berkenaan perkhidmatan Majlis Perbandaran Kuala Selangor.

2.3 Bidang dan kategori projek

Bidang = Penyampaian Perkhidmatan

Kategori = Penciptaan

2.4 Sokongan dan kelulusan pihak pengurusan tertinggi setiap agensi terlibat

Kumpulan telah mendapat sokongan daripada Puan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuala Selangor bagi pelaksanaan sistem ini pada 29 Januari 2021 (Lampiran B).

3. SIGNIFIKASI PROJEK DAN PEMBUKTIAN

3.1 Kaitan dengan fungsi utama jabatan/organisasi

Salah satu objektif MPKS ialah mewujudkan perkhidmatan yang efisien dan efektif melalui permodenan sistem pentadbiran Majlis selaras dengan pembangunan ICT. Permodenan sistem pentadbiran ini membantu mempromosikan program dan makluman secara info grafik yang berkaitan perkhidmatan yang disediakan oleh MPKS dengan lebih meluas tanpa sempadan melalui medium atas talian seperti laman sosial rasmi *Facebook* MPKS dan laman web rasmi MPKS.

Justeru itu, Unit Korporat dan Perhubungan Awam sebagai unit yang bertanggungjawab dalam menyelaraskan rekabentuk untuk kain rentang / risalah / kad jemputan / buku aturcara untuk program jabatan, mengambil inisiatif untuk memodenkan kaedah permohonan daripada kakitangan bagi memudahkan diakses di mana jua.

3.2 Memenuhi kehendak pelanggan dan pemegang taruh (*stakeholder*)

Inovasi ini dihasilkan seiring dengan Matlamat Pembangunan Lestari Pendidikan Berkualiti (4), Industri, Inovasi dan Infrastruktur (9), dan Kerjasama demi Matlamat (17). Penciptaan Sistem Permohonan Hebahan untuk Promosi Program MPKS merupakan peningkatan terhadap kemajuan dalam industri serta inovasi bagi suatu produk serta memberi capaian keadilan kepada semua serta merupakan lonjakan yang baru bagi melaksanakan pekerjaan dengan lebih telus, cepat, berkesan dan mudah seiring dengan mendidik untuk tidak sentiasa berada di takuk yang lama.

3.3 Sejajar dengan agenda dan matlamat nasional

Penciptaan Sistem Permohonan Hebahan untuk Promosi Program MPKS ini sejajar dengan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021 – 2030 iaitu mengguna dan memajukan sains dan teknologi ke arah memacu pertumbuhan sosio-ekonomi negara serta menyelesaikan permasalahan berasaskan teknologi tinggi. Bahkan sistem ini juga menyahut seruan kerajaan dalam melaksanakan Dasar 4IR melalui transformasi teknologi bagi pembangunan sosioekonomi rakyat dan negara. Antara dasar lain yang turut diberi perhatian adalah Dasar Transformasi ICT yang diperkenalkan oleh Unit Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dengan menyelaraskan dasar awam berkaitan bidang ICT bagi pemantapan penyampaian perkhidmatan, pengurusan inovasi serta pembudayaan nilai Sektor Awam dalam arus perdana penyampaian perkhidmatan kerajaan dan mempertingkatkan daya saing negara.

3.4 Kaitan dengan keadaan dan ekosistem semasa

Pelaksanaan Sistem Permohonan Hebahan untuk Promosi Program MPKS adalah bagi menyelaraskan dengan terperinci tentang proses permohonan reka bentuk grafik. Rasionalnya, pemilihan sistem ini dijalankan kerana proses yang tersusun ini memudahkan kerja bagi pemohon, pereka grafik dan penyelia pereka grafik. Bahkan dengan wujudnya sistem ini dapat mengurangkan lagi penggunaan kertas seperti memo arahan dari jabatan yang memohon serta mengelakkan berlakunya permohonan melalui percakapan atau teks mesej di aplikasi *whatsapp*.

3.5 Kaedah pemilihan projek dan analisis

<i>What</i>	Kaedah permohonan reka bentuk grafik untuk bahan promosi
<i>Who</i>	Kakitangan di Unit Promosi, UKP serta kakitangan MPKS yang berkaitan
<i>Where</i>	Unit Korporat dan Perhubungan Awam, MPKS
<i>When</i>	Mengikut keperluan semasa seperti promosi program atau makluman semasa berkaitan perkhidmatan MPKS
<i>Why</i>	Permohonan reka bentuk grafik untuk bahan promosi yang dan penyimpanan rekod tidak sistematik
<i>How</i>	Soal selidik telah dijalankan secara telefon dan mendapati tiada PBT menggunakan sistem permohonan reka bentuk grafik secara atas talian yang boleh diakses pada bila-bila masa dan di mana jua

3.6 Sasaran Outcome

Unit Korporat dan Perhubungan Awam menyasarkan 100% penggunaan sistem bagi semua permohonan reka bentuk atau reka grafik bahan promosi di MPKS. Selain dapat menjimatkan kertas bagi sebarang borang permohonan, ianya juga dapat mengelakkan pertindihan permohonan atau permohonan yang terlepas pandang untuk diselesaikan oleh pereka grafik MPKS. Sasaran unit ini jugak agar dengan penggunaan sistem ini, dapat menambahbaik pengurusan rekod permohonan agar boleh dirujuk untuk kegunaan audit yang akan datang.

4. TINDAKAN PENYELESAIAN

Carta Perbatuan seperti di **Lampiran C**.

4.1 Strategi penyelesaian kreatif termasuk aplikasi penggunaan tools

Perbincangan awal kumpulan bersama Unit Teknologi Maklumat mengenai perancangan untuk membangunkan satu sistem khas untuk permohonan reka bentuk hebahan telah dijalankan pada Mac 2020. Unit Teknologi Maklumat bersetuju dan telah mencadangkan pembelian perisian sistem borang yang akan digunakan dalam penghasilan sistem permohonan reka bentuk hebahan ini.

Ahli kumpulan telah mengumpulkan data dengan menjalankan soal selidik terhadap semua pihak berkuasa tempatan di Selangor dan beberapa pihak berkuasa tempatan di negeri Kedah, Perak, Melaka, Pahang dan Johor. Hasil soal selidik (**Lampiran D**) secara telefon, mendapati tiada pihak berkuasa tempatan menggunakan sistem khas untuk permohonan reka bentuk bahan hebahan dan daripada hasil tersebut, kumpulan telah memutuskan untuk menghasilkan inovasi untuk sistem tersebut.


Selain itu, ahli kumpulan telah mengenalpasti beberapa masalah yang dihadapi dalam proses permohonan reka bentuk grafik secara dalaman di MPKS. Strategik penyelesaian yang digunakan ialah *Blue Ocean Strategy* yang melibatkan *eliminate, reduce, raise dan create*.

Jadual 2: *Blue Ocean Strategy*

Menghapus (<i>Eliminate</i>)	Meningkat (<i>Raise</i>)
- Pertindihan permohonan (tidak melalui saluran yang betul)	- Pemantauan dari pihak pengurusan atasan - Meningkatkan mutu kerja
Mengurang (<i>Reduce</i>)	Mencipta (<i>Create</i>)
- Percetakan permohonan (Memo) - Jimat masa penerimaan permohonan	- Cetusan idea baharu dengan pernggunaan teknologi terkini

4.2 Penghasilan dan Pengujian Prototaip

Hasil perbincangan kumpulan bersama Unit Teknologi Maklumat, beberapa lakaran tangan proses kerja sistem ini.



Gambar 4: Lakaran Draft 2 Sistem Permohonan Hebahan untuk Promosi Program (halaman Admin) - Lampiran E

4.3 Perakuan daripada pihak bertaualiah/ pihak berkuasa

Kumpulan telah mendapatkan perakuan daripada Bahagian Pengurusan Maklumat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor bahawa sistem yang dibangunkan oleh kumpulan adalah efisien dan sistematik dalam memudahkan proses kerja UKP dalam menghasilkan bahan promosi di MPKS (Lampiran F).

4.4 Pelaksanaan Inovasi

Sistem ini telah dibangunkan menggunakan dua *frame* iaitu *frame* untuk pengguna dan *frame* untuk pentadbir (*admin*). Pengguna merujuk kepada kakitangan MPKS yang ingin memohon reka bentuk hebahan manakala *admin* merujuk kepada pegawai yang bertanggungjawab memproses permohonan tersebut termasuklah Ketua Unit, Penolong Pegawai Tadbir dan Pereka Grafik. Cara penggunaan sistem seperti di Lampiran G.

SISTEM BORANG MPKS DALAM TALIAN MPKS

Muka Surat 1 Muka Surat 2 Muka Surat 3

PERMOHONAN HEBAHAN UNTUK PROMOSI PROGRAM MPKS

Maklumat Pemohon

Nama Pemohon

Jawatan

Jabatan / Bahagian / Unit

Email

[Seterusnya](#)

Gambar 5: Muka Depan Sistem Permohonan Hebahan untuk Promosi Program MPKS (Pemohon)

 **SISTEM BORANG MPKS DALAM TALIAN MPKS**

Sign In

Email / Username

Password

☐ Remember Me

[Log In](#)

[Forgot Password](#) [Don't have an account? Sign Up](#)

Gambar 6: Muka Depan Sistem Permohonan Hebahan untuk Promosi Program MPKS (Admin)

5. KEBERHASILAN PROJEK

5.1 Pencapaian Outcome dan Pembuktian

Kebhasilan projek ini mampu mendatangkan kebaikan kepada MPKS dengan menambah baik perkhidmatan jabatan dalam MPKS melalui permohonan reka bentuk grafik secara dalam talian tanpa melibatkan cetakan dan penghantaran borang secara fizikal oleh pemohon. Pencapaian dari segi masa adalah perintis kepada pelaksanaan penggunaan kaedah ini iaitu dapat menjimatkan masa pemohon di mana pemohon boleh mengakses sistem pada bila-bila masa dan di mana jua. *Outcome* projek dan pembuktian adalah seperti berikut:

a. Kos operasi

Unit Teknologi Maklumat telah membeli perisian sistem borang yang boleh menghasilkan 10 sistem yang berbeza dan salah satu adalah sistem permohonan hebahan ini. Kos keseluruhan perisian adalah RM10,547.00.

7.0 SYOR DAN PENUTUP
7.1 Adalah disyorkan pembekal berikut sesuai dipertimbangkan kerana mengemukakan harga yang terendah dan munasabah serta pembekal berkemahiran
No 1 - <u>Syarikat Aidan Technologies Sdn Bhd</u> dengan harga keseluruhan berjumlah <u>RM 10,547.00</u> ✓
7.2 Kertas cadangan bagi pembelian perisian sistem BORANG untuk Bahagian Teknologi Maklumat, Majlis Daerah Kuala Selangor dapat dipertimbangkan dan diluluskan sepertimana penjelasan dan justifikasi di para 4 hingga 6 di atas.

Gambar 7: Keratan Kertas Cadangan Pembelian sistem

Secara purata, kos untuk menghasilkan satu sistem adalah RM1,054.70. Proses membangunkan sistem ini telah menggunakan kepakaran pegawai di Unit Teknologi Maklumat secara dalaman (*in-house*). Keadaan ini dapat menjimatkan perbelanjaan tanpa menggunakan khidmat kepakaran daripada pembekal luar di mana anggaran sekitar RM20,000 untuk satu sistem.

Bagi membangunkan sistem ini, kumpulan telah menggunakan dua *frame* sistem iaitu *frame* pertama adalah digunakan oleh pemohon manakala *frame* kedua digunakan oleh *admin*.

Oleh itu kos keseluruhan bersamaan:

Kepakaran Dalam	Kepakaran Luar
RM1,054.70 x 2 = RM2,109.40	Anggaran 1 sistem = RM20,000.00
Kadar penjimatan bersamaan $RM20,000.00 - RM2,109.40 = RM17,890.60$ Sebanyak 89% bersamaan RM17,890.60 dapat dijimatkan dengan menggunakan kepakaran dalaman dalam membangunkan sistem ini.	

Selain itu, kos operasi yang dapat dijimatkan adalah dari segi penggunaan kertas A4 oleh pemohon di mana pemohon tidak perlu mencetak sebarang memo atau dokumen permohonan untuk dihantar kepada UKP. Pemohon hanya perlu memohon melalui sistem yang disediakan. Semasa proses penghasilan reka bentuk, pereka grafik akan menghantar rekaan grafik secara *hardcopy* untuk semakan dan ianya memerlukan penggunaan kertas untuk cetakan.

Proses ini akan berulang sekiranya pemohon memohon pembetulan berulang kali sehingga pemohon berpuas hati dengan rekaan grafik tersebut. Purata penggunaan kertas bagi setiap permohonan ialah 1 permohonan : 5 helai kertas.

Jadual di bawah menunjukkan penggunaan kertas secara kasar sebelum menggunakan sistem. Penurunan penggunaan kertas sebanyak 80% iaitu digunakan hanya untuk rekod dalam fail.

Jadual 4: Kos Operasi (Penggunaan Kertas)

NO	TAHUN	JUMLAH PERMOHONAN	PENGUNAAN KERTAS A4 (SECARA KASAR)
1.	2014	43	215 helai
2.	2015	43	215 helai
3.	2016	42	210 helai
4.	2017	32	160 helai
5.	2018	39	195 helai
6.	2019	30	150 helai
7.	2020	28	140 helai
8.	2021	72 (permohonan melalui sistem bermula Februari 2021)	72 helai (purata 1 permohonan : 1 helai kertas)

b. Cara kerja lebih sistematik

Jadual 5: Pembuktian Pengurangan Proses Kerja

NO.	AKTIVITI	MANUAL	SISTEM
1.	Pemohon menerima arahan kerja	5 minit	5 minit
2.	Pemohon membuat permohonan reka bentuk grafik secara beberapa kaedah: - Memo arahan kerja (teruskan Perkara 4) - Emel permohonan (teruskan Perkara 4) - Secara verbal (teruskan Perkara 4) - Secara <i>What's App</i> (teruskan Perkara 4)	1 minggu	-
3.	Pemohon membuat permohonan reka bentuk grafik melalui sistem	-	5 minit
4.	Penerimaan permohonan	1 hari	5 minit
5.	Minit daripada Ketua Unit untuk tindakan/semakan Penolong Pegawai Tadbir	5 minit	-
6.	Semakan oleh Penolong Pegawai Tadbir	5 minit	5 minit
7.	Kelulusan oleh Ketua Unit	-	5 minit
8.	Penyediaan reka bentuk grafik oleh Pereka Grafik	1 hari	1 hari (bergantung keberadaan Pereka Grafik)
9.	Semakan reka bentuk grafik oleh pemohon	1 jam	1 jam
10.	Penghantaran reka bentuk grafik yang telah disahkan oleh pemohon	5 minit	5 minit
11.	Pemohon menerima reka bentuk grafik yang telah siap	5 minit	5 minit
Jumlah		8 hari	2 hari

c. Memudahkan pemantauan

Salah satu masalah yang dikenalpasti sebelum sistem ini dibangunkan ialah kesukaran untuk memantau permohonan yang diterima kerana tiada medium permohonan yang rasmi dan jelas. Dengan adanya sistem ini, semua permohonan boleh dipantau oleh pegawai yang bertanggungjawab iaitu Ketua Unit, Penolong Pegawai Tadbir dan Pereka Grafik. Tambahan lagi, dokumen permohonan lengkap butiran pemohon dan maklumat permohonan boleh disimpan secara maya mahupun fizikal.

d. Peningkatan teknologi

Dengan menggunakan teknologi sistem permohonan secara dalam talian ini, ianya dapat menjimatkan masa pemohon kerana permohonan tersebut tidak perlu dirangka di atas kerta, di cetak dan di hantar. Namun sebaliknya permohonan tersebut akan sampai terus kepada Pegawai dan Pereka Grafik untuk menghasilkan rekaan grafik tersebut. Bahkan dengan peningkatan teknologi ini mampu menjimatkan kertas daripada dicetak seperti Memo memohon mereka grafik.

5.2 Faedah sampingan (luar jangka)

MPKS perlu menterjemahkan dan menetapkan sasaran di dalam semua aspek berkaitan dengan PQCDMS dengan mempertimbangkan segala kerugian dan faedah luar jangka yang memberi kesan kepada prestasi sesebuah organisasi. Oleh yang demikian, faedah sampingan luar jangka yang diperolehi daripada projek ini kepada Majlis adalah seperti berikut:

a) *Productivity*

Penghasilan kerja yang lebih produktif menggunakan sistem permohonan hebahan dengan pengurangan prosedur kerja (SOP) di mana tempoh masa memproses satu permohonan dapat disingkatkan daripada 8 hari kepada 2 hari.

b) *Quality*

Dengan penggunaan sistem, ianya dapat mengoptimumkan tenaga kerja ke arah yang lebih sistematik dan seterusnya meningkatkan tahap penjimatan cetakan kertas dan capaian data secara atas talian.

c) *Cost*

Kos operasi dalam penciptaan sistem dapat diijamatkan kerana menggunakan sepenuhnya khidmat kepakaran pegawai UTM berbanding dengan pembekal luar.

d) Delivery

Meningkatkan tahap kepuasan dalam penyampaian perkhidmatan kepada Jabatan melalui penambahbaikan perkhidmatan di dalam Majlis Perbandaran Kuala Selangor.

e) Safety

Keselamatan dokumen lebih terjaga dan tersusun kerana dokumen boleh diakses secara maya tanpa khuatir kehilangan dokumen fizikal.

f) Morale

Sistem Permohonan Hebahan untuk Promosi Program MPKS boleh meningkatkan prestasi kerja kakitangan dengan penglibatan semua peringkat jawatan dalam melaksanakan tugas hakiki. Ini kerana teknologi merupakan suatu keperluan pada masa kini dalam mencapai objektif yang ditetapkan sesebuah organisasi.

6. IMPAK PROJEK

6.1 Penilaian Impak dan pembuktian

Impak penghasilan sistem ini dapat dinilai melalui keberkesanan outcome dari pelbagai aspek. Hebahan makluman grafik mengenai perkhidmatan MPKS dilakukan dalam pelbagai medium secara maya (Facebook & Portal Rasmi MPKS) mahupun fizikal (Banner dan Bunting di gantung di kawasan tumpuan orang awam).

Sebagai contoh, Unit Perbendaharaan telah membuat permohonan rekaan grafik melalui sistem ini pada 17 Februari 2021 mengenai pemakluman perkhidmatan kaunter bergerak di kawasan Puncak Alam dan Saujana Utama. Unit ini telah memproses permohonan tersebut pada hari yang sama sehingga hebahan di laksanakan melalui laman *social Facebook* dan *Instagram* Rasmi MPKS pada keesokannya. Hasil daripada hebahan menggunakan rekaan grafik tersebut, orang ramai lebih peka dengan perkhidmatan kaunter bergerak tersebut di kawasan masing-masing. Impak yang dapat dilihat adalah hasil kutipan MPKS melalui kaunter bergerak pada bulan Februari dan Mac 2021 meningkat sebanyak **83%** berbanding bulan yang sama pada tahun 2020 (Lampiran H).

Jadual 6: Perbandingan Kutipan Kaunter Bergerak Tahun 2020 dan 2021

Bulan	2020 (RM)	2021 (RM)
Februari	1,274,134.49	2,043,865.23
Mac	85,126.95	440,745.00
JUMLAH	1,359,261.44	2,484,610.23
Peningkatan Kutipan sebanyak ↑ 83%		

Situasi ini dapat disimpulkan bahawa dengan terhasilnya sistem ini, proses kerja dapat disingkatkan kepada 2 hari sehingga maklumat yang ingin disampaikan kepada orang ramai dengan radius hebahan yang luas secara maya mahupun fizikal.

6.2 Faedah sampingan (luar jangka)

- i. Penjimatan kos kerana menggunakan tenaga kepakaran daripada UTM MPKS.
- ii. Mengurangkan pembaziran kertas sekiranya memo yang telah dicetak tidak digunakan dengan berhemah.
- iii. Menggalakkan penggunaan teknologi terkini iaitu mengurangkan dokumen fizikal (*hardcopy*) yang ditukarkan kepada dokumen *softcopy* sekaligus mengurangkan ruang penyimpanan dokumen.
- iv. Dokumen secara *softcopy* adalah sesuai untuk kakitangan atau orang awam yang bekerja dari rumah sebagai rujukan dokumen.

7. POTENSI PENGEMBANGAN INOVASI

7.1 Penilaian ketersediaan teknologi / sistem / proses


Pelaksanaan Sistem Permohonan Hebahan untuk Promosi Program MPKS ini selaras dengan salah satu daripada teras **SMART SELANGOR** iaitu *Smart Governance* yang mana produk ini dapat memberi satu proses kerja yang lebih pantas dan sistematik. Secara tidak langsung, ia dapat menjadikan MPKS sebagai satu jabatan yang dapat memberi perkhidmatan terbaik secara amnya.

7.2 Tahap Replikasi atau Pengkomersialan

Pada jangka masa panjang, Sistem ini boleh diperluaskan skopnya dengan menambah baik seperti grafik yang telah diselesaikan boleh dihantar terus ke emel pemohon serta mewujudkan sistem yang sama untuk kegunaan awam yang ingin memohon mengiklankan bahan promosi di LED Billboard MPKS.

Laporan disediakan oleh,


.....
(ALIFE AMANI BIN JUMEREN)
Ketua Kumpulan
Kumpulan i-Corp



FASILITATOR



PUAN NORRINI BINTI MOHD LADZIM
Pegawai Tadbir

KETUA KUMPULAN



ENCIK ALIFF AMANI BIN JUMEREN
Penolong Pegawai Tadbir

SETIAUSAHA



CIK NURUL SYUHAZA BINTI MOHD NAZRI
Pembantu Tadbir

AHLI KUMPULAN



PUAN HAJAH NORLELA BINTI ASMANGI
Penolong Pegawai Tadbir

ENCIK NORIRWAN SAHRIL BIN MOHMED MOGI
Pembantu Tadbir



ENCIK HISYAMUDDIN BIN ZAKARIA
Pembantu Tadbir

ENCIK ZULFITRY BIN ZAHARUDIN
Juruteknik Komputer



Disahkan oleh,


RAHILAH BINTI RAHMAT
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kuala Selangor



مجلس دأیره کوالا سلاغور
MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR

JALAN MAJLIS, 45000 KUALA SELANGOR, SELANGOR DARUL EHSAN
Tel : 03-3289 1439 / 03-3289 1549 / 03-3289 2340 Fax : 03-3289 1101 / 03-3289 3386
Portal : <http://www.mdks.gov.my> Email : ydp@mdks.gov.my



selangorku

Ruj kami : (63) dlm MDKS 233/86-1 JILID 4
Tarikh : 23 Disember 2020M
08 Jumadai Ula 1442H

Encik Aliff Amani bin Jumeren
Penolong Pegawai Tadbir
Unit Korporat dan Perhubungan Awam
Majlis Daerah Kuala Selangor

Tuan

PELANTIKAN SEBAGAI KETUA KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) DI
UNIT KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM MAJLIS DAERAH KUALA
SELANGOR BAGI TAHUN 2021-2023

Salam sejahtera dan dengan segala hormatnya saya kearah tuan yang dihormati

2. Sukacita dimaklumkan bahawa saya telah dipilih sebagai Ketua Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) di Unit Korporat dan Perhubungan Awam Majlis Daerah Kuala Selangor bagi tahun 2021-2023.

3. Berhubungan dengan itu, pihak Majlis Daerah Kuala Selangor bertaruh pada bahawa tuan akan memberi sepenuh komitmen dan tenaga untuk menjalankan tugas-tugas yang diberikan.

4. Saya percaya dan berharap yang sewajarnya amat tinggi akan prestasi dan sumbangh tuan.

Selamat

"SELANGOR MAJU BERSAMA"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(NORRINI BINTI MOHD LADZIM)
Ketua Unit
Unit Korporat dan Perhubungan Awam
b.p. Yang Dipertua
Majlis Daerah Kuala Selangor



مجلس دأیره کوالا سلاغور
MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR

JALAN MAJLIS, 45000 KUALA SELANGOR, SELANGOR DARUL EHSAN.
Tel : 03-3289 1439 / 03-3289 1549 / 03-3289 2340 Fax : 03-3289 1101 / 03-3289 3386
Portal : <http://www.mdks.gov.my> Email : ydp@mdks.gov.my



selangorku

Ruj.kami : (64) dlm.MDKS 233/86-1 JILID 4
Tarikh : 23 Disember 2020M
08 Jumadal Ula 1442H

Cik Nurul Syuhaza binti Mohd Nazri
Pembantu Tadbir (P/O)
Unit Korporat dan Perhubungan Awam
Majlis Daerah Kuala Selangor

Puan,

PELANTIKAN SEBAGAI AHLI JAWATANKUASA INOVATIF DAN KREATIF (KIK) DI
UNIT KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM MAJLIS DAERAH KUALA
SELANGOR BAGI TAHUN 2021-2023

Salam sejahtera dan dengan segala hormatnya menjujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa puan adalah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Inovatif dan Kreatif (KIK) di Unit Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Daerah Kuala Selangor bagi tahun 2021-2023.

3. Sehubungan dengan itu, pihak Majlis Daerah Kuala Selangor berharap agar pihak puan dapat memberi sepenuh komitmen dan menjalankan tanggungjawab yang diberikan dengan sebaik mungkin.

Kerjasama dan perhatian yang sewajarnya amat dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian.

"SELANGOR MAJU BERSAMA"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(NORRINI BINTI MOHD LADZIM)
Ketua Unit
Unit Korporat dan Perhubungan Awam
b.p. Yang Dipertua
Majlis Daerah Kuala Selangor



مجلس دأیره کوالا سلاغور
MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR

JALAN MAJLIS, 45000 KUALA SELANGOR, SELANGOR DARUL EHSAN
Tel : 03-3289 1439 / 03-3289 1549 / 03-3289 2340 Fax : 03-3289 1101 / 03-3289 3386
Portal : <http://www.mdks.gov.my> Email : ydp@mdks.gov.my



selangorku

Ruj kami : (65) dlm MDKS 233/86-1 JILID 4
Tarikh : 23 Disember 2020M
08 Jumadal Ula 1442H

Encik Norirwan Sahril bin Mohmed Mogi
Pembantu Tadbir (P/O)
Unit Korporat dan Perhubungan Awam
Majlis Daerah Kuala Selangor

Tuan,

PELANTIKAN SEBAGAI AHLI JAWATANKUASA INOVATIF DAN KREATIF (KIK) DI
UNIT KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM MAJLIS DAERAH KUALA
SELANGOR BAGI TAHUN 2021-2023

Salam sejahtera. Tahniah kepada tuan kerana telah terpilih sebagai ahli KIK.

1. Tuan telah ditugaskan sebagai ahli KIK dan akan bekerja sama dengan ahli KIK yang lain untuk melaksanakan tugas-tugas yang berkaitan dengan Unit Korporat dan Perhubungan Awam Majlis Daerah Kuala Selangor bagi tahun 2021-2023.

2. Tuan akan bersama-sama dengan ahli KIK Majlis Daerah Kuala Selangor dalam melaksanakan tugas-tugas yang berkaitan dengan Unit Korporat dan Perhubungan Awam Majlis Daerah Kuala Selangor.

Saya percaya bahawa dengan semangat yang berdedikasi dan berdisiplin, tugas-tugas yang berkaitan dengan Unit Korporat dan Perhubungan Awam Majlis Daerah Kuala Selangor akan dilaksanakan dengan baik.

Terima kasih.

"SELANGOR MAJU BERSAMA"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(NORRINI BINTI MOHD LADZIM)
Ketua Unit
Unit Korporat dan Perhubungan Awam
b.p. Yang Dipertua
Majlis Daerah Kuala Selangor



مجلس دأیره کوالا سلاڠور
MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR

JALAN MAJLIS, 45000 KUALA SELANGOR, SELANGOR DARUL EHSAN.
Tel : 03-3289 1439 / 03-3289 1549 / 03-3289 2340 Fax : 03-3289 1101 / 03-3289 3386
Portal : <http://www.mdks.gov.my> Email : ydp@mdks.gov.my



selangorku

Ruj.kami : (66) dlm.MDKS 233/86-1 JILID 4
Tarikh : 23 Disember 2020M
08 Jumadal Ula 1442H

Encik Hisyamuddin bin Zakaria
Pembantu Tadbir (P/O)
Unit Korporat dan Perhubungan Awam
Majlis Daerah Kuala Selangor

Tuan,

PELANTIKAN SEBAGAI AHLI JAWATANKUASA INOVATIF DAN KREATIF (KIK) DI
UNIT KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM MAJLIS DAERAH KUALA
SELANGOR BAGI TAHUN 2021-2023

Salam sejahtera dan dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa tuan adalah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Inovatif dan Kreatif (KIK) di Unit Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Daerah Kuala Selangor bagi tahun 2021-2023.

3. Sehubungan dengan itu, pihak Majlis Daerah Kuala Selangor berharap agar pihak tuan dapat memberi sepenuh komitmen dan menjalankan tanggungjawab yang dibenkan dengan sebaik mungkin.

Kerjasama dan perhatian yang sewajarnya amat dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian.

"SELANGOR MAJU BERSAMA"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(NORRINI BINTI MOHD LADZIM)
Ketua Unit
Unit Korporat dan Perhubungan Awam
b.p. Yang Dipertua
Majlis Daerah Kuala Selangor



مجلس دأیره کوالا سلاغور
MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR

JALAN MAJLIS, 45000 KUALA SELANGOR, SELANGOR DARUL EHSAN
Tel : 03-3289 1439 / 03-3289 1549 / 03-3289 2340 Fax : 03-3289 1101 / 03-3289 3386
Portal : <http://www.mdk.gov.my> Email : ydp@mdks.gov.my



selangorku

Rujukan Kami
Tarikh

Bil. (د) dlm MDKS 233/86-1 JILID 5
29 Januari 2021
16 Jumadal Akhirah 1442H

Puan Norlela binti Asmangi
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat
Unit Teknologi Maklumat
Majlis Daerah Kuala Selangor

Puan,

**PELANTIKAN SEBAGAI AHLI JAWATANKUASA KUMPULAN INOVASI i-CORP
DENGAN KERJASAMA UNIT KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM MAJLIS
DAERAH KUALA SELANGOR BAGI TAHUN 2021**

Salam sejahtera dan dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara
tersebut di atas.

2 Sukacita dimaklumkan bahawa puan adalah dilantik sebagai Ahli
Jawatankuasa Kumpulan Inovasi i-Corp dengan kerjasama Unit Korporat dan
Perhubungan Awam Majlis Daerah Kuala Selangor bagi tahun 2021.

3 Sehubungan itu, pihak Majlis Daerah Kuala Selangor berharap agar pihak puan
dapat memberi sepenuh komitmen dan menjalankan tanggungjawab yang diberikan
dengan sebaik mungkin.

Kerjasama dan perhatian yang sewajarnya amat dihargaan dan diucapkan ribuan terima
kasih.

Sekian

"SELANGOR MAJU BERSAMA"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(NORRINI BINTI MOHD LADZIM)
Ketua Unit
Unit Korporat dan Perhubungan Awam
b.p Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kuala Selangor



مجلس دایره کوالا سلاغور
MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR

JALAN MAJLIS, 45000 KUALA SELANGOR, SELANGOR DARUL EHSAN.
Tel : 03-3289 1439 / 03-3289 1549 / 03-3289 2340 Fax : 03-3289 1101 / 03-3289 3386
Portal : <http://www.mdk.gov.my> Email : ydp@mdks.gov.my



selangorku

Rujukan Kami
Tarikh

Bil. (3) dlm.MDKS 233/86-1 JILID 5
: 29 Januari 2021
16 Jumadal Akhirah 1442H

Encik Zulfitri bin Zaharudin
Juruteknik
Unit Teknologi Maklumat
Majlis Daerah Kuala Selangor

Tuan,

**PELANTIKAN SEBAGAI AHLI JAWATANKUASA KUMPULAN INOVASI I-CORP
DENGAN KERJASAMA UNIT KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM MAJLIS
DAERAH KUALA SELANGOR BAGI TAHUN 2021**

Salam sejahtera dan dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2 Sukacita dimaklumkan bahawa puan adalah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Kumpulan Inovasi i-Corp dengan kerjasama Unit Korporat dan Perhubungan Awam Majlis Daerah Kuala Selangor bagi tahun 2021.

3 Sehubungan itu, pihak Majlis Daerah Kuala Selangor berharap agar pihak tuan dapat memberi sepenuh komitmen dan menjalankan tanggungjawab yang diberikan dengan sebaik mungkin.

Kerjasama dan perhatian yang sewajarnya amat dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian.

**"SELANGOR MAJU BERSAMA"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

(NORRINI BINTI MOHD LADZIM)
Ketua Unit
Unit Korporat dan Perhubungan Awam
b.p Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kuala Selangor



**PERSETUJUAN KERJASAMA UNTUK MEMBANGUNKAN
SISTEM PERMOHONAN HEBAHAN UNTUK PROMOSI PROGRAM
MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR**

Kepada Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS)

Daripada Unit korporat dan Perhubungan Awam


Perkara Persetujuan Kerjasama Untuk Membangunkan Sistem Permohonan Hebahan Untuk Promosi Program Majlis Perbandaran Kuala Selangor

Latar Belakang Unit Korporat dan Perhubungan Awam merupakan unit yang bertanggungjawab dalam melaksanakan hebahan bagi program dan maklumat yang berkaitan dengan perkhidmatan yang disediakan oleh MPKS. Unit ini mengalami masalah dalam menerima permohonan reka bentuk hebahan di mana tiada medium khas yang boleh digunakan oleh pemohon.


Tujuan Unit ini memohon kerjasama bagi pembangunan sistem ini atas sebab-sebab berikut:

1. Mewujudkan sistem khas yang akan digunakan oleh kakitangan MPKS bagi permohonan reka bentuk grafik
2. Membolehkan pemantauan oleh pegawai di unit ini bagi semua permohonan sama ada yang berjadual mahupun permohonan segera
3. Pengurusan rekod permohonan juga dapat dilakukan secara lebih teratur dan sistematik secara maya dan fizikal


Disediakan oleh,


.....
(NORRINI BINTI MOHD LADZIM)
Ketua Unit
Unit Korporat dan Perhubungan Awam
Majlis Perbandaran Kuala Selangor
Tarikh: 28/1/2021

Disemak oleh,


.....
(WAN NURULNASUHA BINTI AB AZIZ)
Ketua Unit
Unit Teknologi Maklumat
Majlis Perbandaran Kuala Selangor
Tarikh: 28.1.2021

Disokong oleh,


.....
(RAHILAH BINTI RAHMAT AMS.)
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kuala Selangor
Tarikh: 29.1.2021



KAWALAN PELAKSANAAN PROJEK (CARTA PERBATUAN)
SISTEM PERMOHONAN REKA BENTUK BAHAN PROMOSI
UNIT KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM (KUMPULAN i-Corp)

PROSES	AKTIVITI	BULAN	OKT 2019	JUL 2020	OGS 2020	SEP 2020	OKT 2020	NOV 2020	DIS 2020	JAN 2021	FEB 2021	MAR 2021	APR 2021	MEI 2021	JUN 2021	JUL 2021	OGS 2021	SEP 2021	OKT 2021	NOV 2021	DIS 2021
PLAN	Pemilihan Kumpulan																				
	Pelan Tindakan Pembahagian Tugas																				
	Penyenggaraan Masalah																				
	Pemilihan & Penjelasan Masalah																				
	Analisis Punca Masalah, Pengumpulan & Analisis Data																				
	Cadangan Penyelesaian Kreatif																				
Do	Ujian Rintis & Analisis Data																				
	Persembahan Pengurusan																				
Check	Penilaian																				
	Persembahan Pengurusan																				
	Ukur Kejayaan																				
Act	Pemantauan																				
	Penyeragaman & Tindakan Susulan																				

Perancangan

Pelaksanaan

KAJI SELIDIK SISTEM PERMOHONAN HEBAHAN OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN DI MALAYSIA

- 1) Kaji selidik telah dilaksanakan melalui panggilan telefon pada bulan Ogos tahun 2020.
- 2) Panggilan telefon dilakukan kepada 11 pihak berkuasa tempatan negeri Selangor dan 1 pihak berkuasa tempatan yang mewakili negeri Perak, Kedah, Melaka, Pahang dan Johor.
- 3) Tujuan kaji selidik adalah untuk mendapatkan maklumat berkenaan cara permohonan bahan hebahan di agensi selain Majlis Perbandaran Kuala Selangor.
- 4) Hasil kaji selidik adalah seperti berikut:

NO	AGENSI	ARAHAN MESYUARAT	MEMO PEMAKLUMAN	BORANG	SISTEM	EMEL
SELANGOR						
1	MDSB	x	√	x	x	√
2	MP SEPANG	x	√	√	x	√
3	MDHS	x	√	x	x	√
4	MPKj	x	√	x	x	√
5	MPK	x	√	√	x	√
6	MPKL	x	√	√	x	√
7	MPS	x	√	x	x	√
8	MBPJ	x	√	x	x	√
9	MBSA	x	√	x	x	√
10	MBSJ	x	√	x	x	√
11	MPAJ	x	√	x	x	√
PERAK						
12	MP TELUK INTAN	x	√	x	x	√
JOHOR						
13	MP BATU PAHAT	x	√	x	x	√
MELAKA						
14	MP ALOR GAJAH	x	√	x	x	√
PAHANG						
15	MP TEMERLOH	x	√	x	x	√
KEDAH						
16	MP SUNGAI PETANI	x	√	x	x	√

Pemohon Promosi



Isi debut sistem
(Jawatan, Jabatan)

↓
Maklumat ^{perlu diisi} dalam sistem untuk
bahan promosi

1. Nama program
2. Keterangan program
3. Lokasi
4. Tarikh
5. Masa
6. Jenis hekalan promosi



Maklumat sampai kepada pengemala untuk
disemak dan hantar kepada pelulus



Maklumat sampai kepada pelulus
dan dihantar kepada peraka grafik




Peraka grafik menerima maklumat
dan mula meraka bahan promosi



Bahan promosi yang selesai
diberi kepada pemohon promosi

Flow

Diagram Alir Iterasi Program Promosi WPKS



(Draft 1)

Borang permohonan promosi / HEMAHAN PROGRAM PROMOSI INDG

① Borang permohonan ^{MENU} (Promotion).

Taguk Borang

A) Maklumat Pemohon

Nama :

Jawatan : ↓
(listkan semua jawatan)

Jabatan/Bahagian/Unit :

↓
(listkan semua jabatan/Bah/Unit di under)

Emel :

B) Maklumat Program

Nama / Tajuk Program :

Keterangan terperinci Program :

Tarikh / masa Program :

Tarikh akhir / masa akhir Program :

c) Dokumen sokongan.

[upload dokumen sokongan] — Format docx, pdf.
- Bukti program.

d) Maklumat Hebah Promosi

i) Jenis Hebah Promosi


- o Media online
- o Gegayang
- o Poster.
- o Dokumen Aturan

